

## 1. Latarbelakang Masalah

### i) Sepintas lalu mengenai Daerah Besut

#### a. Sejarah asal Daerah Besut

Sejarah awal daerah Besut masih kabur, kerana belum ada keterangan atau bukti bertulis yang menerangkan dengan jelas tentang daerah ini. Menurut cerita-cerita lisan orang tua, nama Besut adalah nama seorang ketua berketurunan Pangan atau Sakai, pada zaman dahulu kala.<sup>1</sup>

Daerah ini dahulunya diperintah oleh seorang ketua lanun yang digelar "Raja Sang Nyana". Sesuai dengan keadaan kedudukan geografinya, daerah Besut, pada zaman dahulu menjadi sarang lanun; iaitu dengan adanya pulau-pulau yang berhadapan dengan pantainya, termasuk Pulau Rhu dan Bukit Keluang, yang mempunyai beberapa buah gua batu,

---

<sup>1</sup> Mohd. Salleh bin Hj. Awang, Sejarah Darul Iman hingga 1918 M, Utusan Publications and Distributors, Kuala Lumpur, Cetakan Ke 2, 1983, hal.191.

yang terletak lebih kurang enam setengah kilometer dari Pantai Besut, adalah sangat sesuai dijadikan tempat perlindungan lanun di zaman dahulu kala.<sup>2</sup>

#### b. Keluasan dan Politik Daerah Besut

Luas daerah Besut adalah kira-kira 123,367.8 hektar persegi dan mempunyai 16 buah mukim semuanya, iaitu Hulu Besut, Tenang, Jabi, Pelagat, Pasir Akar, Tembila, Kerandang, Lubuk Kawah, Bukit Pantai, Kampung Raja, Bukit Tanah, Keluang, Pengkalan Nangka, Pulau Perhentian, Kubang Bemban dan Kuala Besut. Daerah ini juga mempunyai tiga buah pekan utama iaitu Jerteh, Kampung Raja dan Kuala Besut. Kampung Raja merupakan pusat pentadbiran bagi daerah ini, kerana di sinilah terletaknya pejabat-pejabat yang berurusan dengan penduduknya, seperti Pejabat Tanah, Pejabat Kadhi, Pejabat Pendaftaran dan sebagainya.<sup>3</sup>

---

<sup>2</sup>ibid.hal.192.

<sup>3</sup>Wawancara dengan Encik Ghazali bin Endut, Ketua Penolong Pegawai Daerah, di pejabatnya, Pejabat Daerah Besut, pada 5hb.Jun.1989.

Dari segi politik, Besut dikuasai oleh parti Barisan Nasional.

Daerah ini terbahagi kepada lima kawasan Undangan Negeri, iaitu kawasan Kuala Besut, Jabi, Jerteh, Kampung Raja dan Hulu Besut.<sup>4</sup>

c. Penduduk Daerah Besut

Penduduk daerah Besut berjumlah 97,795 orang. Bilangan terbesar ialah bangsa Melayu, seramai 95,462 orang. Yang kedua ialah bangsa China, seramai 1807 orang dan diikuti dengan bangsa India, seramai 187 orang dan selebihnya terdiri dari bangsa-bangsa lain. Orang Melayu yang keseluruhannya beragama Islam, mewakili 97.51 peratus daripada penduduk daerah ini.<sup>5</sup>

Daerah ini telah diketahui umum sebagai daerah yang mengasaskan sekolah-sekolah pondok, yang mana ia pernah dikatakan

---

<sup>4</sup> ibid.

<sup>5</sup> ibid.

sebagai sebuah negeri Islam, yang mempunyai sultan dan muftinya sendiri.<sup>6</sup>

Bangsa Melayu di daerah ini, bergiat dalam bidang pertanian, seperti bertanam padi, menoreh getah, berniaga hasil pertanian dan sebagainya. Begitu juga, ada penduduk yang terlibat dengan pekerjaan seperti kakitangan kerajaan, kakitangan swasta, guru dan bekerja sendiri. Bangsa Cina pula lebih tertumpu di bidang perniagaan dan menepap di pekan-pekan yang ada di daerah ini.<sup>7</sup>

Daerah Besut sedang giat membangun, dengan adanya pembinaan dan pembaikan jalanraya dan jambatan, samada yang telah dan sedang dijalankan. Ini adalah kerana ia terletak di antara bandar Kota Bharu di negeri Kelantan dan bandar Kuala Terengganu di negeri Terengganu.

---

<sup>6</sup> Wawancara dengan Encik Zali @ Nawi bin Mat Ali, di Pejabat Kadhi Daerah Besut, pada 6hb, Jun. 1989.

<sup>7</sup> Pemerhatian penulis.

## ii) Perkembangan agama Islam di Besut

Kalau diteliti antara negeri-negeri di Malaysia, didapati masing-masing mempunyai identiti yang tersendiri, yang menampakkan keistimewaan, di kalangan negeri-negeri di Malaysia. Terengganu sendiri sejak dahulu lagi sudah terkenal dengan identiti yang bercirikan keagamaan. Ciri keagamaan ini meliputi bidang sejarah, kebudayaan, corak pendidikan dan kehidupan rakyat jelatanya.

Kerajaan Islam dikatakan telah wujud di Malaysia pada awal abad ke lapan Hijrah atau pada tahun keempat belas Masihi lagi. Salah satu bukti yang terpenting ialah terjumpanya Batu Bersurat Terengganu, iaitu di Hulu Terengganu, yang membuktikan bahawa sejak tahun 702 Hijrah lagi, agama Islam telah bertapak di Terengganu.<sup>8</sup>

Kemunculan Terengganu menjadi negeri yang terawal menerima Islam di Tanah Melayu bukannya secara kebetulan, malah sesuai kerana

---

<sup>8</sup> Persatuan Sejarah Malaysia-Cawangan Terengganu, Warisan, Terbitan Persatuan Sejarah Terengganu, Bil. 3, Tahun 1982, hal. 17.

Negeri Terengganu merupakan salah sebuah negeri tertua di Tanah Melayu.<sup>9</sup>

Terengganu telah menerima Islam lebih dahulu daripada Melaka, yang mana seorang pemerintah bergelar Raja Mandalika mengisytiharkan Islam menjadi agama rasmi negeri ini, tetapi tidak pula diketahui dengan nyata dari manakah datangnya pengembang agama Islam ke sini dan siapa nama sebenar raja tersebut. Tetapi, oleh kerana Terengganu terletak di tempat lalu lalang ahli-ahli perniagaan, maka negeri ini telah didasangi oleh pedagang-pedagang dari Arab, yang telah membawa bersama mereka agama Islam, ke Terengganu.<sup>10</sup>

Bertepatan dengan kenyataan itu, daerah Besut juga turut memainkan peranan yang penting kerana telah berjaya melahirkan beberapa orang alim ulamak yang terkenal di negeri Terengganu, seperti Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif, Tuan Guru Haji Abbas dan Tuan Guru Haji Daud, yang kesemuanya merupakan pengasas-pengasas kepada seko-

---

<sup>9</sup>ibid.

<sup>10</sup> Jabatan Penerangan Malaysia, Cenderamata Pertabakan Sultan

Negeri Terengganu merupakan salah sebuah negeri tertua di Tanah Melayu.<sup>9</sup>

Terengganu telah menerima Islam lebih dahulu daripada Melaka, yang mana seorang pemerintah bergelar Raja Mandalika mengisytiharkan Islam menjadi agama rasmi negeri ini, tetapi tidak pula diketahui dengan nyata dari manakah datangnya pengembang agama Islam ke sini dan siapa nama sebenar raja tersebut. Tetapi, oleh kerana Terengganu terletak di tempat lalu lalang ahli-ahli perniagaan, maka negeri ini telah didatangi oleh pedagang-pedagang dari Arab, yang telah membawa bersama mereka agama Islam, ke Terengganu.<sup>10</sup>

Bertepatan dengan kenyataan itu, daerah Besut juga turut memainkan peranan yang penting kerana telah berjaya melahirkan beberapa orang alim ulamak yang terkenal di negeri Terengganu, seperti Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif, Tuan Guru Haji Abbas dan Tuan Guru Haji Daud, yang kesemuanya merupakan pengasas-pengasas kepada seko-

---

<sup>9</sup> ibid.

<sup>10</sup> Jabatan Penerangan Malaysia, Cenderamata Pertabakan Sultan Terengganu, Terbitan Jabatan Penerangan Malaysia, 1981, hal. 17.

lah-sekolah pondok yang tertua di daerah Besut ini.<sup>11</sup>

Sehingga ke saat ini, Terengganu masih lagi berjaya mengekalkan identitinya yang berunsurkan agama Islam, yang mana penduduknya dikenali dan diketahui umum mempunyai latar belakang agama yang kuat dan memuaskan. Tidak terkecuali juga dengan daerah Besut, yang juga menjadi kemegahan rakyatnya, yang dikenali sebagai antara daerah yang mempunyai penduduk yang majoritinya beragama Islam, tidak sepertimana setengah-setengah daerah lain di negeri ini.<sup>12</sup>

Kesimpulannya, Besut tetap menjadi satu daerah yang masih utuh dengan identiti keagamaan yang membanggakan. Hujah ini dapat diperkuat dengan adanya pendapat yang mengatakan bahawa daerah Besut, akan dapat mengekalkan identiti agamanya dan tidak mudah dicemari dengan unsur-unsur negatif dari Barat.<sup>13</sup>

---

<sup>11</sup> Persatuan Sejarah Malaysia, op.cit., hal.22.

<sup>12</sup> Wawancara dengan Encik Zali @ Nawi bin Mat Ali.

<sup>13</sup> ibid.



iii) Penghayatan Islam di kalangan  
masyarakat Islam di daerah Besut

Oleh kerana daerah Besut ini mempunyai latarbelakang agama Islam yang kuat, maka kesedaran serta penghayatan Islam penduduk-penduduknya boleh dikatakan berada pada tahap yang baik.

Dari beberapa pemerhatian yang telah dijalankan, didapati kebanyakan dari penduduk Islam di daerah ini hidup dalam suasana yang berlandaskan ajaran dan kehendak-kehendak agama Islam. Mereka boleh digolongkan sebagai sebuah kelompok masyarakat yang patuh kepada ajaran-ajaran Islam dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kefahaman mereka tentang ajaran Islam. Mereka juga sentiasa peka dengan perkembangan agama Islam dan juga terhadap sebarang program keagamaan yang dijalankan di daerah ini.

Hal tersebut telah diakui sendiri oleh salah seorang petugas di Pajabat Kadhi Daerah Besut, di mana beliau menegaskan bahawa setiap program yang dijalankan oleh pihaknya, mendapat tindak-balas yang menggalakkan dari sebahagian besar kaum muslimin di sini.

Pejabat Kadhi Daerah Besut, yang memainkan peranan penting dalam perkembangan syi<sup>c</sup>ar Islam di daerah ini, sentiasa memastikan bahawa penduduk Islam di sini memperoleh faedah yang sewajarnya untuk kepentingan aqidah dan juga kehidupan duniawi dan ukhrawi mereka.<sup>14</sup>

Di daerah ini, terdapat 77 buah masjid, yang berperanan aktif untuk menyampaikan syi<sup>c</sup>ar Islam dan menjadi tempat pertemuan bagi para penduduk Islam di sini, dalam usaha untuk memantapkan lagi jalinan ukhuwwah sesama mereka, di samping meningkatkan lagi kefahaman mereka di bidang keagamaan. Di masjid-masjid inilah, kerap kali diadakan ceramah-ceramah, syarahan-syarahan agama, kelas-kelas agama dan sebagainya lagi. Kesemua aktiviti ini dikendalikan bersama oleh pihak Jabatan Agama Negeri Terengganu dan pihak Yayasan Islam Negeri Terengganu.<sup>15</sup>

Program-program yang diadakan itu, bukanlah hanya tertentu diadakan pada hari-hari perayaan agama sahaja, tetapi juga pada hari-

---

<sup>14</sup> ibid.

<sup>15</sup> ibid.

hari biasa, atau setiap hari, mengikut jadual dan giliran yang telah disediakan untuk masjid-masjid tersebut, agar semua penduduk mendapat penyertaan yang samarata dan adil. Setiap program itu sentiasa mendapat perhatian dan kerjasama dari sebahagian besar masyarakat di daerah ini. Hal ini boleh penulis katakan sebagai alasan, mengapakah daerah ini pada pandangan penulis adalah daerah yang masih suci dan belum tercemar dengan unsur-unsur kurang baik dari kebudayaan Barat. Belum pernah lagi kedengaran gejala-gejala yang tidak diinginkan berlaku di daerah ini, termasuk pengedaran dadah dan penyibaran ajaran sesat atau sebagainya lagi.

2. Pengertian Tajuk

Tajuk kajian ini ialah " Doa dan Zikir Dalam Kehidupan Masyarakat Islam di Malaysia - Kajian Kes di daerah Besut, Terengganu." Apa yang dimaksudkan dengan doa ialah permohonan atau permintaan kepada Tuhan, atau kebaikan yang dipinta dari Tuhan.<sup>16</sup> Ia juga me-

---

<sup>16</sup>Teuku Iskandar, Dr., Kamus Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Cetakan Kedua, 1984, hal.267.

rujuk kepada ayat-ayat yang tertentu, terutamanya daripada al-Qur'an dan al-Hadith dan sebagainya, yang dibaca untuk memohon sesuatu kebaikan dari Tuhan.<sup>17</sup>

Zikir pula adalah berasal dari perkataan Arab, yang bermaksud perbuatan menyebut nama Allah dan mengingati Allah.<sup>18</sup>

Doa dalam konteks sebuah masyarakat Islam atau di dalam kehidupan individu muslim, memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk mendekatkan diri dengan Pencipta Agung Allah s.w.t.; juga untuk berusaha mendapatkan keredhaannya. Begitu juga ibadah zikir, di mana gabung jalin di antara kedua-dua bentuk ibadah ini, akan menjadikan seseorang hamba itu berupaya untuk berkomunikasi dengan penuh rasa rendah diri dan ikhlas. Oleh itu, penulis memikirkan bahawa kedua-dua bentuk ibadah ini perlulah diberikan perhatian yang sewajarnya oleh sekelian umat muslimin, supaya tidak timbul anggapan bahawa

---

<sup>17</sup> ibid.

<sup>18</sup> ibid., hal. 350

ibadah- ibadah ini tidak penting dalam kehidupan masyarakat Islam seluruhnya.

Dalam hal ini, terdapat banyak sekali ayat-ayat al-Qur<sup>ān</sup> yang menyentuh tentang kepentingan dan juga keutamaan ibadah- ibadah ini, antaranya ialah :-

<sup>19</sup> وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا رَمَىٰ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ

Maksudnya: "Siapa lah yang lebih baik perkataannya daripada mereka yang berdoa (menyeru) kepada Allah, mengerjakan amak salehdan berkata, "Sesungguhnya aku adalah dari golongan orang muslimin.""

Firman-Nya lagi :-

فَإِذَا قَضَيْتُمْ مِنْ سِكِّكُمْ  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ كَذِكْرِكُمْ ءَابَاءَكُمْ وَأَشَدَّ ذِكْرًا

Maksudnya: "Apabila kamu telah selesai ibadah hajimu, maka berzikirlah dengan menyebut nama Allah, sebagaimana kamu menyebut-nyebut nenek-moyangmu, atau (bahkan) berzikirlah lebih banyak dari itu."

<sup>19</sup> Surah Fusilat, ayat 33

<sup>20</sup> Surah al-Baqarah, ayat 200

Allah juga tidak akan melupakan mereka yang sentiasa berdoa dan meminta-minta daripada-Nya. Ini nyata dari firman-Nya :-

21

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman, berzikirlah dengan zikir yang sebanyak-banyaknya."

Allah berfirman lagi :-

وَإِن سَأَلْتَهُ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ

إِذَا دَعَانِ فَلْيَسْتَجِيبُوا لِي وَلْيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ<sup>22</sup>

Maksudnya: "Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya tentang Aku, maka katakanlah bahawa Aku dekat, Aku mengkabulkan permintaan orang yang berdoa kepada-Ku, maka hendaklah mereka itu memenuhi suruhan-Ku dan hendaklah mereka beriman dengan Aku, agar mereka selalu berada dalam kebenaran."

Terdapat banyak lagi ayat-ayat al-Qur'an yang menyeru kepada sekalian umat Islam supaya mendekatkan diri kepada Allah s.w.t., dan juga agar hamba-hamba-Nya tidak gentar untuk meminta sebarang permohonan atau pertolongan daripada Allah s.w.t.. Dari sini, jelaslah

<sup>21</sup> Surah al-Ahzāb, ayat 41

<sup>22</sup> Surah al-Baqarah, ayat 186

bahawa semua manusia digalakkan memperbanyakkan membuat permohonan dan meminta pertolongan daripada-Nya, untuk kebaikan mereka juga.

Selain dari itu, penulis juga memikirkan perlu untuk mengkaji sejauh manakah penduduk di daerah Besut, memahami konsep ibadah, seperti mana yang dikehendaki oleh syari<sup>C</sup>at Islam; dan juga sejauh manakah kefahaman mereka terhadap kedua-dua bentuk ibadah yang dikaji ini.

Hasil dari kajian yang dijalankan ini, akan dapat dibuat satu kesimpulan mengenai penghayatan Islam di kalangan masyarakat Islam di tempat kajian. Begitu juga, penulis akan dapat membuat satu penilaian apakah ianya telah sejajar dengan apa yang sebenarnya disyari<sup>C</sup>atkan oleh Allah s.w.t..

Penulis telah memilih daerah Besut, memandangkan ianya adalah tempat tinggal dan tempat asal penulis sendiri, di mana penulis telah mempunyai pengetahuan tentang latarbelakang daerah ini dan juga tentang suasana kehidupan penduduknya, khususnya penduduk yang beragama Islam.

Walaupun bagaimanapun, tidak dapat dinafikan, setiap kertas projek atau kajian ilmiah yang dijalankan, menghadapi berbagai masalah, sebelum ianya siap dengan sepenuhnya. Di dalam menyiapkan kajian ini penulis juga menghadapi beberapa masalah, samada dari segi bahan rujukan ataupun dari segi teknikal. Antara masalah yang dihadapi oleh penulis ialah :-

a. Penulis mendapati adalah sukar untuk ditentukan satu format yang menepati dengan apa yang hendak penulis sampaikan di dalam kertas projek ini atau kajian ini. Ini adalah kerana ianya adalah gabung jalin antara kajian perpustakaan dan juga kajian luar atau lapangan, di mana penulis dikehendaki melakukan kedua-dua bentuk kajian ini.

b. Penulis juga mendapati adalah sukar untuk mendapatkan data yang diperlukan bagi memenuhi bahagian latarbelakang tempat kajian, di mana penulis perlu banyak meneliti dokumen-dokumen sejarah, untuk mengetahui sejarah daerah ini pada masa dahulu. Penulis juga perlu mendapatkan maklumat dari orang-orang perseorangan, yang mempunyai pengalaman dan maklumat tentang daerah ini.



c. Penulis juga menghadapi kesukaran untuk mendapatkan maklumat dari responden, di mana kadangkala mereka ini agak keberatan untuk menceritakan dengan terus-terang dan ikhlas tentang masalah-masalah yang dianggap peribadi, terutamanya tentang pengamalan ibadah doa dan zikir itu.

d. Penulis menghadapi masalah borang soal-selidik, di mana borang yang dibahagikan itu, diisikan oleh responden dengan cara sambil lewa sahaja; dan ada di antara mereka yang tidak begitu digemar untuk memberikan maklumat yang sebenarnya. Terdapat juga di antara borang itu yang telah tidak dikembalikan semula kepada penulis.

### 3. Tujuan Penyelidikan / Penulisan

Di antara tujuan penulis memilih tajuk ini ialah :-

a. Untuk mendapatkan pengalaman dalam usaha mencari dan mendapatkan maklumat dari orang ramai, khususnya dari masyarakat Islam sendiri, tentang sejarah kegemilangan Islam pada masa silam.

b. Untuk mengetahui sejauh manakah masyarakat Islam memahami dan mengamati amalan-amalan keagamaan dalam kehidupan mereka.

c. Untuk mengkaji dan mengetahui sejarah kedatangan agama Islam ke negeri Terengganu khasnya dan ke Semenanjung Malaysia umumnya.

d. Untuk mengetahui dengan jelas tentang sensitibiliti masyarakat Islam, terhadap isu-isu semasa dan masalah yang ada dalam persekitaran hidup mereka.

e. Untuk membuka jalan kepada penyelidikan-penyelidikan lain, yang lebih ditil dan teliti, pada masa-masa yang akan datang, memandang masalah ini bukanlah masalah yang harus ditangani dalam masa yang tertentu sahaja, bahkan sepanjang masa.

#### 4. Metodologi<sup>23</sup>

Dua metod utama yang telah penulis gunakan dalam menyiapkan

---

<sup>23</sup>Huraian lebih lanjut terhadap tajuk ini disediakan dalam Bab Ketiga.

kajian ilmiah ini ialah :-

a. Metod Pengumpulan Data

b. Metod Analisa dan Pentafsiran Data

### Metod Pengumpulan Data

Dalam usaha penulis untuk menyiapkan kertas projek ini, metod pengumpulan data digunakan mengikut cara-cara yang berikut :-

a. Metod Historis, iaitu dengan melihat dan mengkaji dokumen-dokumen yang berbentuk sejarah.

b. Metod Pengamatan. iaitu berdasarkan kepada pengamatan yang dijalankan oleh penulis, berdasarkan kepada pengalamannya sendiri.

c. Metod Wawancara, iaitu melalui temubual yang dijalankan secara berhadapan dengan responden, untuk mendapatkan maklumat yang diketahuinya.

d. Metod Dokumentasi, dengan cara mengambil petikan-petikan daripada buku-buku, majalah-majalah dan lain-lain bahan bertulis . Tidak ketinggalan juga penulis merujuk kepada al-Qur'an dan kepada al-Hadith.

e. Metod Soal-selidik, di mana penulis membahagikan borang soal-selidik untuk diisikan oleh responden yang tertentu, kemudiannya penulis membuat kesimpulan daripadanya.

#### Metod Analisa dan Pentafsiran Data

Melalui metod yang kedua ini, penulis telah menggunakan beberapa teknik yang telah ditetapkan, iaitu :-

a. Metod Deduktif, iaitu dengan mengemukakan prinsip-prinsip yang bersifat umum dan menghuraikannya dengan prinsip-prinsip yang bersifat khusus.

b. Metod Induktif, iaitu secara membuat kesimpulan yang diasaskan kepada kesimpulan yang bersifat khusus, untuk membuat kesimpulan secara umum.

c. Metod Komparatif, iaitu dengan cara membandingkan di antara satu data dengan data yang lain, untuk membuat satu kenyataan.

## 5. Susunan / Sistematika Penulisan

Susunan penulisan yang digunakan di dalam kajian ini dimulakan dengan halaman tajuk di kulit dan di dalam, seterusnya disusuli dengan halaman pengesahan oleh penyelia dan Dekan Fakulti, seterusnya halaman motto, dedikasi, kata pengantar dan daftar isi. Kemudian diikuti dengan beberapa bab yang tertentu, sebagaimana berikut :-

Dalam Bab Pertama, penulis telah membentangkan tentang latar belakang tempat kajian, iaitu daerah Besut, juga tentang latarbelakang agama penduduknya, seterusnya penghayatan Islam di kalangan penduduk di daerah ini. Tidak ketinggalan juga penulis menyediakan maklumat tentang kedatangan agama Islam ke daerah ini. Penulis juga membentangkan sebab-sebab dan tujuan-tujuan tajuk ini telah menjadi pilihan penulis. Seterusnya secara ringkasnya penulis membentangkan tentang metodologi ataupun cara kajian ini ditulis.

Dalam Bab Kedua pula, penulis telah memasukkan tentang landasan-landasan asas yang digunakan untuk menulis kajian ini. Ianya termasuklah pengertian ibadah menurut perspektif Islam dan juga pengertian ibadah doa dan zikir, serta beberapa faktor yang berkaitan dengan kedua-duanya. Penulis juga mengulas sedikit tentang bagaimana doa boleh dikabulkan oleh Allah s.w.t. atau sebaliknya.

Seterusnya, dalam Bab Ketiga, penulis menghuraikan mengenai metodologi, secara lebih terperinci dan mendalam. Dua bentuk asas yang menjadi pegangan penulis adalah metod pengumpulan data dan metod analisa dan pentafsiran data. Di dalam kedua-dua bahagian ini, terdapat pula beberapa bahagian kecil lainnya, yang diterangkan secara terperinci di dalam Bab Ketiga ini.

Pada Bab Keempat pula, penulis telah memaparkan kemuncak kepada kajian ini, di mana di dalam bab ini, penulis membentangkan banyak maklumat yang dikehendaki oleh tajuk kajian atau kertas projek ini. Penulis mengupaskan tentang sebab-sebab doa dan zikir diamalkan oleh para penduduk daerah Besut khasnya. Penulis juga memaparkan tentang keberkesanan amalan kedua-dua ibadah ini, terhadap kehidupan

seharian masyarakat Islam di daerah Besut, melalui beberapa metod yang telah dijalankan untuk mendapatkan maklumat yang sebenarnya.

Bab Kelima, yang merupakan beb penutup bagi kajian ini, mengandungi kesimpulan-kesimpulan dan saranan-saranan dari penulis, bagi mengatasi beberapa masalah yang telah disebut di dalam bab-bab yang terdahulu. Adalah menjadi harapan penulis, agar apa yang telah penulis jalankan untuk menyiapkan kajian ini, akan mendapat berkat dari Allah s. w. t., serta akan ada kajian yang selanjutnya, berkenaan dengan tajuk ini.